

14 SEP 1997

#### PENGURUS DANA ASING YAKIN DENGAN PROSPEK JANGKA PANJANG M'SIA

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Pengurus dana asing kini lebih yakin tentang prospek jangka panjang ekonomi Malaysia dan berpendapat bahawa kerajaan telah mengadakan dasar yang betul untuk menangani sesetengah daripada masalah ekonomi, terutama yang berkaitan dengan defisit akaun semasa.

Keyakinan mereka itu telah dipertingkatkan lagi apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri memberikan maklumat mengenai dasar masa depan negara dalam satu sesi dialog selama 90-minit di sini, hari ini, sembilan jam selepas Perdana Menteri pulang daripada lawatan ke Mongolia dan Kyrgyzstan.

Pada sesi yang diadakan di Sri Perdana itu, kira-kira 60 orang pengurus dana dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, Taiwan dan Hong Kong nyata bersimpati dengan kesulitan Malaysia baru-baru ini, terutama kemudahrupan dalam pasaran saham dan pasaran matawang.

Encik James Alexandroff, dari firma mengurus dana Arisaig Partners dari Singapura, berkata "tiada apa yang dia (Dr. Mahathir) ucapkan itu membimbangkan kami...sebaliknya kami mendapat pelbagai jaminan dan sekarang kami yakin tentang ekonomi dan mendapati bahawa dasar yang betul sedang dilaksanakan."

"Persoalannya sekarang ialah masa... berapa lama masa yang akan diambil oleh pasaran untuk mengubahsuai kepada satu nilai yang adil," katanya pada satu persidangan berita yang diadakan selepas dialog itu di Bukit Kiara di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata pengurus dana akan memerlukan masa untuk kembali memasuki pasaran kerana sesetengah daripada persoalan masih perlu diselesaikan.

Ia termasuk menilai semula pasaran selain daripada kesukaran untuk meramal perolehan korporat tahun depan memandangkan ekonomi mungkin menjadi perlahan sedikit dan "dari segi nilai buku, harga (saham) tidaklah murah sangat."

Encik David Roche, daripada Independent Strategy, sebuah firma yang beribupejabat di London, berkata masalah paling besar yang dihadapi Malaysia sekarang ialah keyakinan..."ia memerlukan keyakinan pelabur asing langsung, keyakinan rakyat Malaysia sendiri bahawa keadaan akan menjadi lebih baik, agar mereka dapat melabur di negara ini."

Untuk mengatasinya, tiga perkara utama perlu dilakukan, antaranya termasuk langkah yang pasti untuk mengurus lebihan fiskal yang lebih besar.

Ini akan mempunyai kesan langsung kepada akaun semasa melalui kenaikan kadar tabungan negara..."Saya kira langkah tersebut sudahpun dibuat," katanya sambil menambah bahawa pemotongan dalam perbelanjaan kerajaan dan penundaan projek besar telahpun diumumkan.

Perkara kedua yang berlaku ialah penyusutan nilai ringgit, sehingga sebanyak 20 peratus berbanding dengan dolar Amerika, yang tidak seharusnya mengakibatkan inflasi dalam negeri.

Malaysia harus menggunakan penurunan ringgit sebagai satu peluang untuk menambahkan eksport dan memperbaiki pulangan ke atas modal.

Ini bermakna bahawa rakyat perlu berdiri teguh di belakang kerajaan untuk tidak meminta kenaikan upah, tetapi sebarang kenaikan sepatutnya disertakan dengan peningkatan dalam daya penghasilan kerja, katanya.

Akhir sekali, Roche berkata pelabur asing, terutama yang mengurus niaga barangan dan perkhidmatan dan bukan saudagar matawang, "mempunyai keyakinan

terhadap matawang... iaitu ianya stabil; dan bahawa dasar kewangan adalah menyokong matawang; dan keadaan semakin bertambah baik."

"Jika ketiga-tiga unsur itu berada pada tempatnya, kita akan mempunyai satu pemantulan yang cepat bukan sahaja untuk ringgit tetapi juga dalam pasaran kewangan, serta menyemai semula keyakinan," katanya.

Sean Chan dari TCW, firma mengurus dana dari Hong Kong, berkata penjelasan yang dibuat oleh Dr. Mahathir tentang apa yang dianggapnya sebagai spekulasi dan manipulasi adalah selari dengan apa yang telah diperkatakannya dalam beberapa minggu lepas.

Selaku pengurus dana institusi, "kami mengurus aset dana pencen dan merupakan pelabur jangka panjang dan oleh itu, kami mahukan pertumbuhan jangka panjang yang stabil bagi Malaysia dan bukan beberapa jangka masa di mana ekonomi mengalami kemeruapan dan tidak menentu."

Mengenai unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia, Alison Bruce dari Murray Johnstone yang berpangkalan di United Kingdom, berkata: "Saya kira angka yang betul sudah berada ditempat sewajarnya dan angka untuk 1997/98 telahpun dikeluarkan dan ini sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada dasar dalam negeri tetapi kedudukan ekonomi dunia juga perlu diambil kira.

Minggu lepas, timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata bahawa Malaysia akan dapat mencatatkan kadar pertumbuhan melebihi lapan peratus tahun ini dan tahun depan walaupun masalah yang dilalui negara akibat daripada kemudahruapan matawang dan pasaran saham.

Roche berkata bahawa unjuran pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia diletakkan pada 7.5 peratus di bawah rancangan pembangunan lima tahun negara, "sekarang, ia mungkin kurang sedikit dan sedikit pengubahsuaian mungkin perlu dibuat."

Beliau menyamakan tindakan Malaysia untuk mengurangkan pembinaan projek besar dan mungkin pula memperlahankan pertumbuhan ekonomi dengan perbuatan memecut kenderaan..."jika akan mahu tukar ke gear lebih tinggi, anda perlu memperlahankan enjin, itulah yang sedang berlaku."

"Perkara itu tidak menimbulkan rasa cemas, ia adalah sesuatu yang lazim," katanya. -- BERNAMA

MR/NZ SIA